



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4  
Tarikh : 14 Februari 2025

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2025**

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Siswazah)  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar (Pengajian Siswazah)  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMANSUHAN DASAR TABUNG AGIHAN PENYELIDIKAN (TAP)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan garis panduan Tabung Agihan Penyelidikan (TAP) Pusat Siswazah bertarikh 1 Oktober 2021 adalah turut berkaitan.

2. Mesyuarat Senat ke-508 yang telah bersidang pada 27 Mei 2024 telah bersetuju meluluskan pemansuhan dasar Tabung Agihan Penyelidikan (TAP) berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan Senat iaitu 27 Mei 2024.

3. Sehubungan dengan itu, Senat juga telah bersetuju perihal penggunaan baki peruntukan dana TAP yang telah diagihkan oleh Bendahari kepada penyelia-penyelia melalui akaun TAP di dalam SMPU seperti ketetapan berikut:

- i. Baki peruntukan dana dalam akaun TAP perlu dibelanjakan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan pemansuhan dasar TAP sehingga **26 Mei 2026**;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3895 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT**

- ii. Kelonggaran diberikan kepada penyelia untuk membelanjakan baki peruntukan dana TAP bagi **manfaat penyelia/penyelidik dan semua pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan)** sedia ada di bawah seliaannya untuk tujuan perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan termasuk bagi pelajar di bawah seliaan yang tidak disenaraikan di dalam Akaun TAP penyelia, terhad kepada Fakulti/Institut/Pusat yang sama;
  - iii. Sekiranya masih ada baki peruntukan yang tidak dibelanjakan di dalam mana-mana akaun TAP penyelia selepas 2 tahun dari tarikh dasar TAP dimansuhkan, semua baki peruntukan tersebut akan diselaraskan ke tabung penjana PTj oleh Jabatan Bendahari untuk dipulangkan kepada Fakulti/Institut/Pusat hakiki masing-masing di mana penyelia tersebut berkhidmat bagi kegunaan penyelidikan.
  - iv. Sekiranya berlaku pertukaran penyelia (penyelia utama sahaja) atau penyelia bersara/berpindah dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh 26 Mei 2026, maka baki peruntukan TAP daripada penyelia tersebut akan diselaraskan terus ke tabung penjana PTj. Penyelia baharu bagi pelajar terlibat perlu berurusan dengan PTj masing-masing untuk penggunaan baki peruntukan tersebut.
4. Bersama-sama ini dilampirkan Carta Alir Tuntutan Bayaran daripada Akaun TAP dan Peraturan Perbelanjaan bagi baki TAP yang masih berkuat kuasa sehingga 26 Mei 2026 untuk rujukan selanjutnya (Rujuk Lampiran 1).
5. Pihak Bendahari UKM dan Pusat Pengurusan Akademik sedang dalam proses mengenal pasti mekanisme baharu bagi menggantikan Dasar Tabung Agihan Penyelidikan bagi memastikan bantuan kewangan penyelidikan kepada penyelia semasa proses penyeliaan pelajar dapat diteruskan dan dapat menarik lebih ramai pelajar pascasiswazah penyelidikan menyambung pengajian di UKM. Mekanisme baharu tersebut akan dimaklumkan setelah mendapat kelulusan Universiti.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi urus setia berkaitan:

Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat E-mel
<p><b>Garis Panduan (Pusat Pengurusan Akademik)</b></p> <p>Prof. Dr. Zainuddin Sajuri Timbalan Pengarah (Kompetensi Siswazah &amp; Promosi)</p> <p>Puan Afifah Mohd Yusop Penolong Pendaftar 03-8921 4207</p>	<p><a href="mailto:tpskakad@ukm.edu.my">tpskekad@ukm.edu.my</a></p> <p><a href="mailto:afifahmy@ukm.edu.my">afifahmy@ukm.edu.my</a></p>



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3895 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

**Kewangan (Jabatan Bendahari)**

Encik Mohamad Syaifuddin Adam Idris  
Penolong Bendahari  
Bahagian Kewangan Korporat

Pn. Azurah Diana  
Penolong Akauntan  
Bahagian Kewangan Korporat  
03-8921 4221

[bajetbend@ukm.edu.my](mailto:bajetbend@ukm.edu.my)

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN**

Pengarah  
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k - Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Bendahari, UKM
  - Timbalan Pengarah (Kompetensi Siswazah & Promosi)  
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549


CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3895 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

**CARTA ALIR TUNTUTAN BAYARAN DARIPADA AKAUN TAP**



## **PERATURAN PERBELANJAAN BAKI TAP SEHINGGA 26 MEI 2026**

Penyelia/penyelidik boleh membelanjakan baki peruntukan dana TAP bagi manfaat penyelia/penyelidik dan semua pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) sedia ada di bawah seliaannya untuk tujuan perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan termasuk bagi pelajar di bawah seliaan yang tidak disenaraikan di dalam Akaun TAP penyelia, terhad kepada Fakulti/Institut/Pusat yang sama.

Penggunaan baki Tabung Agihan Penyelidikan (TAP) adalah meliputi perbelanjaan bagi perkara-perkara seperti berikut:

- Pembelian bahan kimia
- Pembelian bahan penyelidikan / barang pakai habis
- Pembelian perisian
- Perolehan data penyelidikan
- Bayaran yuran penerbitan / suntingan / terjemahan / percetakan (termasuk percetakan / penerbitan buku berasaskan tesis)
- Bayaran yuran persidangan / latihan / seminar berkaitan penyelidikan
- Bayaran saguhati bagi kerja-kerja penyelidikan kepada Pembantu Penyelidik
- Bayaran ujian dan analisa sampel / analisa data
- Bayaran kepada enumerator
- Tuntutan perjalanan bagi aktiviti penyelidikan
- Tuntutan perjalanan bagi menghadiri persidangan
- Bayaran penganjuran bengkel penulisan laporan projek / artikel jurnal / makalah
- Bayaran baik pulih kecil alat penyelidikan